

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT CIMB PROPERTY AUCTION

1. Dengan mengakses dan menggunakan laman web CIMB PROPERTY AUCTION (<https://www.cimb.com.my/en/personal/day-to-day-banking/more-services/cimb-property-auction.html>) ini ("**Laman Web**") yang dikendalikan dan diselenggarakan oleh CIMB Bank Berhad [197201001799 (13491-P)] ("**Bank**") anda bersetuju dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Sekiranya anda tidak bersetuju dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini, anda hendaklah berhenti mengakses dan menggunakan Laman Web ini dengan serta-merta.
2. Dengan mengakses Laman Web ini dan terus menggunakan perkhidmatan yang disediakan di sini, anda bersetuju dan membenarkan pihak Bank untuk memproses dan mendedahkan data peribadi anda mengikut notis privasi Bank yang boleh dijumpai di Polisi Privasi (<https://www.cimb.com.my/en/personal/privacy-policy.html>)
3. Semua kandungan, maklumat dan bahan dalam apa jua bentuk yang tersedia di Laman Web ini, termasuk namun tidak terhad kepada hal berkenaan hartanah, disediakan atas dasar "seadanya" dan/atau "seperti yang tersedia" untuk rujukan dan maklumat anda sahaja. Kandungan tersebut tidak boleh dirujuk sebagai nasihat professional/perundangan dan sebagai pengganti perundangan dengan perunding/pengamal professional dalam bidang berkenaan.
4. Pihak Bank dan/atau mana-mana ejen tidak memberi apa-apa jaminan mengenai kredibiliti/ketepatan maklumat yang tersedia di Laman Web ini dan pihak Bank dan/atau mana-mana ejen tidak bertanggungjawab atau menanggung apa jua liabiliti sama ada secara langsung atau tidak langsung atau dalam apa-apa cara terhadap sebarang kehilangan atau kerugian yang disebabkan oleh atau berkaitan dengan penggunaan anda dan/atau kebergantungan terhadap sebarang kandungan, maklumat dan bahan yang terkandung dalam Laman Web ini termasuk kandungan, maklumat dan bahan yang telah disediakan oleh pihak ketiga.
5. Anda diandaikan telah mengambil tanggungjawab sepenuhnya dan tindakan sewajarnya untuk memastikan ketepatan/ kredibiliti maklumat, kandungan dan bahan sebelum bergantung kepada dan/atau bertindak berdasarkannya.
6. Apa jua pautan ke laman-laman web yang lain ("**Pautan**") yang dijumpai dalam Laman Web ini adalah disediakan untuk kemudahan anda sahaja dan pihak Bank merizabkan haknya untuk menghilangkan dan/atau mengeluarkan Pautan tersebut dari Laman Web ini. Pihak Bank dan/atau mana-mana ejennya tidak menjamin ketepatan/kredibiliti maklumat, kandungan dan bahan yang terkandung dalam mana-mana Pautan. Mana-mana pautan yang disediakan tidak bererti bahawa Pihak Bank menyokong atau menyetujui mana-mana barang, servis, atau produk dalam apa jua cara. Anda diandaikan akan mengambil tanggungjawab penuh atas akses dan penggunaan Pautan tersebut.
7. Segala kandungan, maklumat dan bahan yang dijumpai di atas talian internet adalah atas risiko anda sendiri.
8. Segala maklumat, kandungan, bahan senarai dan/atau nama mana-mana individu, syarikat dan/atau firma profesional yang terdapat di dalam Laman Web ini tidak bererti bahawa pihak

Bank menyokong, menyetujui, mencadangkan atau merujuk kepada individu/syarikat/firma tersebut. Sebelum membuat keputusan untuk melibatkan diri dengan mana-mana individu/syarikat/firma professional tersebut, anda dinasihatkan agar membuat penilaian, kajian dan penyelidikan sendiri dan tidak bergantung sepenuhnya atas maklumat, kandungan, senarai dan/atau nama yang terdapat di dalam Laman Web.

9. Segala maklumat, kandungan, bahan dan gambar yang terdapat dalam Laman Web ini adalah semata-mata untuk pengenalan umum dan rujukan sahaja. Pihak Bank dan/atau ejennya tidak membuat sebarang representasi atau waranti berkenaan ketepatan atau keadaan sebenar hartanah termasuk butiran-butiran hartanah termasuk tetapi tidak terhad kepada alamat surat-menyurat, deskripsi hartanah, harga rizab dan lain-lain.
10. Pihak Bank dan/atau mana-mana ejennya tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kandungan, maklumat, bahan dan gambar-gambar yang diterbitkan di dalam Laman Web ini dalam apa jua keadaan atau dalam apa jua cara sekalipun termasuk tetapi tidak terhad kepada penerangan, penyenaian, harga dan/atau penarikan balik hartanah daripada lelongan tersebut.
11. Pihak Bank dan/atau mana-mana ejennya tidak memberi apa jua waranti dan/atau jaminan bahawa:
 - a. Kandungan, maklumat dan bahan yang diterbitkan dalam Laman Web ini akan memenuhi jangkaan dan keperluan anda;
 - b. Apa jua iklan yang terkandung dalam Laman Web ini, sama ada diedarkan oleh atau melalui mana-mana pautan, dimuat turun, diakses dari atau melalui Laman Web ini atau keputusan yang mungkin diperoleh daripada penggunaan Laman Web ini adalah tepat atau boleh dipercayai;
 - c. Kualiti mana-mana hartanah yang anda perolehi berdasarkan maklumat dan kandungan dalam Laman Web ini akan memenuhi jangkaan dan keperluan anda; dan
 - d. Kebolehcapaian dan penggunaan Laman Web ini tidak akan terganggu/terjejas pada setiap masa dan bebas risiko.
12. Kandungan, maklumat dan bahan dalam apa jua bentuk yang dimuat turun atau diperolehi melalui penggunaan Laman Web ini adalah atas kebijaksanaan dan risiko anda sendiri. Anda adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk sebarang kerosakan, kerugian atau apa-apa kesan sampingan akibat mengakses dan menggunakan Laman Web ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Apa jua keputusan yang dibuat berkaitan dengan apa-apa transaksi jual beli untuk hartanah lelongan tersebut adalah pada budi bicara dan tanggungjawab anda sendiri.
13. Anda tidak dibenarkan untuk menggunakan atau menghasilkan semula apa-apa harta intelek milik Pihak Bank. Terma "harta intelek milik Pihak Bank" adalah termasuk namun tidak terhad kepada apa jua dan segala tanda dagangan dan tanda perkhidmatan (sama ada yang berdaftar, tidak berdaftar ataupun yang masih dalam proses pendaftaran), logo, nama dagangan atau hak cipta yang dimiliki oleh Pihak Bank ataupun dilesenkan kepada Pihak Bank melalui Pihak Ketiga. Dengan mengakses dan menggunakan Laman Web ini dan apa jua perkhidmatan yang terkandung dalamnya, anda bersetuju untuk tidak menggunakan atau menghasilkan semula, membuat salinan, menjual, berdagang, menjual semula atau

mengeksploitasi apa-apa bahagian berkaitan maklumat dan kandungan yang terdapat dalam Laman Web ini untuk sebarang tujuan komersial.

14. Kami berhak untuk meminda/mengubah suai Laman Web ini dan apa jua kandungan yang terdapat dalam Laman Web ini, dengan apa jua cara dan/atau untuk menamatkan atau menyekat hak anda untuk mengakses dan menggunakan Laman Web ini termasuk apa-apa maklumat, kandungan, Pautan dan sebagainya.
15. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia, segala penafian yang telah dinyatakan akan berkuatkuasa secara mutlak dan tegas.
16. Anda memahami dan mengakui bahawa apa jua hartanah yang disenaraikan untuk lelongan di dalam Laman Web ini adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat khusus bergantung kepada setiap hartanah untuk dilelong.
17. Sekiranya anda berminat untuk membida bagi mana-mana hartanah yang terdapat dalam Laman Web ini, anda harus mendapatkan satu salinan terma-terma dan syarat-syarat khusus bagi penjualan hartanah tersebut dan anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk memeriksa, membuat carian, penilaian, penyelidikan dan pengesahan sendiri atas ketepatan butir-butir dan maklumat yang dinyatakan berkaitan dengan hartanah lelongan tersebut.
18. Anda disarankan untuk mendapatkan nasihat bebas/professional berkenaan dengan transaksi jual beli hartanah tersebut.
19. Pihak Bank berhak, atas budi bicara tersendiri, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa tanpa memberi notis, untuk menarik balik senarai hartanah dari Laman Web ini dan/atau daripada lelongan tanpa memberikan sebarang sebab sekalipun.
20. Pihak Bank tidak memberi jaminan bahawa hartanah yang akan dijual/ dilelong pada harga rizab yang dinyatakan di dalam Laman Web ini memandangkan hartanah lelongan adalah tertakluk kepada bidaan/harga tertinggi yang dibuat oleh pembida yang berminat dan oleh itu harga rizab tersebut tertakluk kepada perubahan semasa ke semasa tanpa sebarang notis daripada pihak Bank.
21. Keputusan Pihak Bank dan/atau mana-mana agennya berhubung lelongan adalah muktamad dan konklusif serta tidak tertakluk kepada sebarang pertikaian.